




# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku




**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**

Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.


Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



## Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024

**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

PBAKL 2024. Acara yang mencatatkan seramai 1.8 juta pengunjung dari seluruh negara dalam tempoh hanya 10 hari bertempat di PWTC. Seperti mana pengunjung lain, tujuan aku ke sana selain untuk berbelanja bahan bacaan pada harga yang lebih murah, adalah untuk bertemu penulis kegemaran untuk dapatkan tandatangan. Sudah lama aku mengikuti platform media sosial seorang *content creator* terkenal, saudara Faiz Azmi yang banyak berkongsi ilmu berkaitan pengurusan kewangan. Sejurus beliau memaklumkan keberadaannya pada hari terakhir PBAKL 2024, aku menaruh harapan untuk menjejakkan kakiku ke sana.



Alhamdulillah, kenduri sepupu yang kebetulan diadakan pada awal Jun memberi peluang untuk aku dari Sungai Petani, Kedah ke Kuala Lumpur. Setelah terkejar-kejar dari Sungai Besar, Selangor hingga ke PWTC pagi Ahad tersebut, lalu bergelut pula dengan kesesakan lautan manusia di luar dan dalam bangunan, berjaya juga aku bertemu dengan saudara Financial Faiz. Namun semakin aku menghampiri empunya diri, rasa gementar ku untuk memulakan bicara semakin kuat. Aku dapat melihat beliau di situ, duduk di kerusi penonton sambil khusyuk mendengar kupasan topik oleh penceramah jemputan di pentas utama. Aku menghela nafas panjang dan cuba mengawal rasa gemuruh. Fikirku, kalau aku tak tegur dahulu dan memulakan perbualan, tidak mungkin aku

akan dapat peluang bertegur sapa dengannya dan dapatkan tandatangannya. Dengan buku "Duit Aku, Hidup Aku" di tangan, aku menebalkan muka dan menegur saudara Faiz Azmi dan dengan rendah diri meminta beliau menandatangani buku dan meminta izin untuk bergambar dengannya.

Saudara Faiz Azmi menggunakan jenama "Financial Faiz" untuk menyebarkan maklumat dan mendidik masyarakat berkaitan pengurusan kewangan menerusi pelbagai platform media sosial. Tiada lagi alasan untuk tidak mengikuti video-video ringkas beliau dan memanfaatkan ilmu, tips dan strategi untuk mengurus kewangan peribadi dan keluarga. Walaupun semua video beliau dapat ditonton secara percuma melalui media sosial, mengeluarkan sejumlah wang untuk mendapatkan buku hasil tulisannya tidak sedikit pun rasa merugikan. Selain resit pembelian boleh ku simpan untuk tuntutan rebat cukai, tandatangan penulis amat bernilai. Bagaikan anak-anak muda yang teruja mendapatkan *merchandise*

selebriti kegemaran mereka, rasa teruja juga turut dirasakan pencinta buku untuk mendapatkan tandatangan dan bergambar bersama penulis idola mereka.

Seusai berjaya menyelesaikan misi utama di PBAKL 2024, aku memulakan misi kedua, iaitu memburu bahan bacaan untuk anak-anak. Aku teringat pesan mak, berikan apa sahaja buku yang anak-anak suka demi memupuk minat untuk membaca, sekalipun buku tersebut adalah buku cerita seram. Terus terang aku tidak gemar anakku didedahkan dengan apa jua perkara yang seram, terutama apabila dia sendiri agak penakut orangnya. Entah kenapa, walaupun penakut, video bergenre inilah yang dia tonton di YouTube. Namun pada hematku, cadangan mak ada bernasnya. Lalu aku mula meronda, aras demi aras, reruai demi reruai, sambil mencari-cari buku cerita seram dan yang penting murah demi menggalakkan anakku ini untuk membaca.



Ketika aku melangkah keluar dari Dewan Merdeka, ternampak figura seseorang yang amat aku kenali kerana rupanya dikatakan serupa wajah ayahku. Lelaki yang berusia lebih setengah abad itu duduk bersandar dengan lengannya ditopang atas meja dan terselit sebatang pen marker antara jari-jemarnya. Di atas meja tersusun beberapa longgokan buku komik hasil karyanya, dijaga rapi oleh seorang wanita muda yang tidak ku kenali yang duduk di belakang meja. Di sebelahnya berdiri sebuah tiang melintang dengan deretan beberapa helai kemeja-putih yang disangkut, setiap satunya dicetak dengan lukisan karikatur atau kartun hasil karyanya.

Imuda atau nama sebenarnya Abdul Rahim Muda memegang watak Budin dalam sitcom popular di era 80-an, Pi Mai Pi Mai Tang Tu. Sitcom ini masih bersiaran di kaca TV dan mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia, termasuk diriku sewaktu muda remaja. Barisan pelakornya bukan calang-calang – Imuda, Sabri Yunus, Angeline Tan, Sathiya, Khatijah Tan, Wan Maimunah; tidak lupa barisan pelakon yang telah pergi namun meninggalkan nama – tidak, mereka ibarat ‘harimau’ yang pergi meninggalkan belang untuk kita hormati dan terus disegani atas bakat lakonan yang tiada tanding. Antaranya Allahyarham Pak Uda (Zami Ismail) dan Mat Deris (Ahmad Busu).

Hampir 40 tahun telah berlalu sejak Pi Mai Pi Mai Tang Tu bersiaran di kaca televisyen. Hari ini aku melihat En. Imuda yang rasanya sudah tidak lagi bergiat aktif di industri hiburan. Sungguhpun mungkin itulah minat beliau yang sebenar iaitu melukis, terdetik juga di hatiku satu persoalan yang membuatku sedikit gusar – bagaimanakah aku akan menguruskan kelangsungan hidupku ketika aku seusia beliau nanti? Bagaimanakah aku di hari tua nanti? Hebatnya En. Imuda, beliau tahu kelebihanannya adalah melukis lalu menjadikannya koleksi buku sebagai sumber pendapatan. Namun aku sedar cabaran yang beliau hadapi lebih besar kerana perlu bersaing dengan bahan bacaan lain yang lebih diminati generasi muda, seperti novel romantis dan buku motivasi. Dengan sedikit kreativiti, maka En. Imuda mempelbagaikan hasil



karyanya bukan sahaja dalam bentuk buku, malah hasil karyanya turut dicetak di atas kemeja-t atau dibingkaikan sebagai cenderahati.


Maka atas dasar kekaguman itulah aku menghampiri mejanya lantas mengambil salah satu koleksi kartunnya. Buku itu kuhulur padanya untuk ditandatangani. Senyumanku kian melebar melihat pen marker yang dipegang En. Imuda meluncur laju di atas helaian pertama buku tersebut. Sambil beliau menandatangani buku tersebut, tanganku laju menyeluk ke dalam tas tangan untuk mencapai not yang ada. Tidak langsung ku bertanya tentang harga, kerana pembelian buku tersebut tidak lain adalah tanda sokongan ku pada kegigihan beliau terus mencari pendapatan sampingan dengan bakat yang ada padanya.

Lantas aku turut berfikir, bagaimanakah aku di usia yang sama nanti? Adakah aku akan hanya bergantung harap pada simpanan KWSP atau skim pencen nanti, sedangkan polisi kerajaan berkaitan persaraan boleh berubah bila-bila masa? Kebolehan atau bakat apakah yang menjadi bekalanku sebagai pendapatan sampingan selepas menganjak usia persaraan nanti? Takdir yang menemukan aku dengan En. Imuda di PBAKL 2024 sebenarnya menyedarkan aku tentang betapa ilmu dan bakat berperanan besar dalam kelangsungan hidup. Sebagai ahli akademik, pengalaman dan cabaran mengajar dan mendidik anak-anak muda, di samping pelbagai program bersama industri itulah ilmu yang perlu dinukilkan untuk diperturunkan ke generasi seterusnya. Kalau hasil penulisan buku tidak begitu menjana pendapatan bagi kelangsungan hidup kita di dunia, yang pasti ada ganjarannya untuk kita nikmati di dunia abadi.

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ


**Maksudnya:** "Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau **ilmu yang dimanfaatkan dengannya** atau anak yang soleh yang mendoakan baginya."

Riwayat Muslim (1631), al-Nasa'i (3651), al-Tirmizi (1376) dan Abu Daud (2880)



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

